

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

TARIKH : 7 Mac 2017

SOALAN

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah status TASKA Autisme Sibu terkini dan apakah usaha Kerajaan dalam mengekalkan TASKA Autisme Sibu yang menghadapi masalah kewangan.

JAWAPAN

Mulai tahun 2013, Kerajaan melaksanakan projek perintis TASKA OKU bagi 6 kategori kanak-kanak OKU yang merangkumi Sindrom Down, autisme, penglihatan, pendengaran, fizikal dan masalah pembelajaran. Objektif penubuhan TASKA OKU adalah untuk: i. Membantu ibu bapa atau penjaga dan kanak-kanak OKU mendapat perkhidmatan yang sesuai dengan ketidakupayaan yang dihadapi, di samping memenuhi keperluan bagi pendidikan dan perkembangan awal kanak-kanak; dan ii. Membantu mengurangkan beban ibu bapa / penjaga kanak-kanak OKU terutama kepada ibu bapa / penjaga yang berpendapatan rendah untuk mendapatkan pengasuhan yang sempurna dan berkualiti bagi anak-anak OKU mereka. Menurut laporan yang dikemukakan oleh pihak TASKA Autisme Sibu, pada tahun 2016, TASKA berkenaan telah beroperasi dengan bilangan kanak-kanak seramai 18 orang, seorang pengurus, seorang penyelia, 16 orang pengasuh, 3 orang jurupulih, seorang tukang masak dan seorang kerani. Peruntukan geran berjumlah RM239,568.00 telah diagihkan yang meliputi bayaran untuk saguhati penyelia, pengasuh, jurupulih, bayaran sewa premis, utiliti, perbelanjaan makanan kanak-kanak OKU, peruntukan aktiviti dan peralatan. Walau bagaimanapun, sehingga Disember 2016, sebanyak RM42,234.73 tidak dibelanjakan daripada peruntukan yang telah diterima. Pada tahun 2017, semua TASKA OKU akan menerima bantuan kewangan daripada kerajaan berdasarkan kepada pengiraan yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan TASKA OKU termasuk nisbah bilangan kanak-kanak dan bilangan pengasuh seperti yang telah ditetapkan dalam Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 (Pindaan 2007) dan Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012. Pihak KPWKM juga berharap pengusaha TASKA OKU dapat menampung sebahagian perbelanjaan TASKA dengan yuran yang dibayar oleh ibubapa / penjaga dan menerusi sumbangan pihak korporat di kawasan masing-masing.

